



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	8/8/2019	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Perhilitan masih kesan beruang matahari

GUA MUSANG - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri masih mengesan beruang matahari yang dilihat berkeliaran di kawasan perumahan Felda Perasu di sini sejak seminggu lalu.

Pengarahnya, Ady Ermanty Haniff Mohamed Hanif berkata, pihaknya telah memasang satu perangkap dengan umpan cempedak masak di lokasi aduan penduduk pukul 2 petang Isnin lalu.

Menurutnya, pihaknya menerima aduan berkaitan ancaman beruang itu pukul 9 pagi, Ahad lalu.

“Pejabat Perhilitan daerah yang telah menerima aduan telah menghantar lima anggota ke lokasi untuk melakukan siasatan dan kawalan.

“Sehingga kini kita masih gagal mengesan beruang berkenaan. Beruang itu dipercayai keluar dari hutan dan berkeliaran untuk mendapatkan makanan disebabkan sekarang ini musim buah-buahan,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kosmo! semalam melaporkan, para peneroka Felda Perasu di sini hidup dalam kebimbangan apabila seekor beruang matahari dilihat merayau di kawasan penempatan mereka sejak seminggu lalu.

Bagi menjaga keselamatan, penduduk tidak ke kebun dan terpaksa membawa parang setiap kali mahu pergi ke kebun bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Sementara itu, Ady Ermanty



BERUANG matahari dikesan berkeliaran di Felda Perasu, Gua Musang sejak seminggu lalu.
- Gambar hiasan

memberitahu, pihaknya juga masih mengesan seekor lagi beruang matahari yang dilihat berkeliaran di kawasan kebun di Kampung Reka dan Kampung Timur di Kuala Balah, Jeli, sejak hujung bulan lalu.

Ujarnya, pihaknya menerima aduan daripada penduduk kampung pada 31 Julai lalu mengenai perkara itu.

“Empat anggota daripada Pejabat Perhilitan Jeli telah ke lokasi aduan penduduk itu untuk melakukan pemeriksaan dan memasang satu unit perangkap.

“Kita berharap penduduk jangan bertindak sendirian jika terserempak dengan haiwan itu serta segera menghubungi pihak Perhilitan kerana beruang matahari itu bertindak agresif jika berasa terancam,” jelasnya.



PERHILITAN telah memasang perangkap beruang matahari dengan umpan cempedak sejak Isnin lalu.

**Beruang matahari
ancam peneroka
Felda Perasu**

GUA MUSANG - Peneroka di Rancangan Tanah Felda Perasu di sini, hidup dalam kebimbangan selepas seekor beruang matahari...

KERATAN Kosmo! semalam.

Tambah beliau, beruang matahari merupakan satu-satunya spesies beruang yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

Katanya, binatang yang turut dikenali sebagai beruang madu dan beruang anjing itu sedang terancam akibat pembukaan hutan untuk pertanian, pembalakan serta pemburuan haram menggunakan jerat dan perangkap.